

15/10/2001

OIC pilih Dr M ketuai usaha tangani keganasan

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Ahad - Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memilih Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengetuai usaha badan itu menangani isu keganasan antarabangsa.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata keputusan OIC itu disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Kedua Arab Saudi, Putera Sultan Abdul Aziz Al-Saud, ketika mengunjungi Dr Mahathir di Putrajaya semalam.

Syed Hamid berkata, OIC memilih Perdana Menteri kerana beliau berpandangan jauh serta tidak emosional berhubung isu itu, sekali gus dapat membersihkan imej Islam yang dikaitkan dengan kegiatan pengganas.

"Ramai pemimpin negara Islam berunding dengan beliau melalui telefon... mereka melihat Malaysia tidak emosional dalam menguruskan hal ini.

"Malaysia menggunakan logik dan rasional untuk menentukan tidak akan terlahir apa yang dikatakan pertembungan tamadun yang sebenarnya adalah masalah dunia," katanya dalam temu ramah eksklusif dengan TV3 di Seri Pentas di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata, cadangan itu sejajar resolusi sebulat suara OIC pada persidangan tergepang di Doha, Qatar, awal minggu ini yang mengutuk sekeras-kerasnya sebarang bentuk keganasan.

Resolusi IOC itu antara lain meminta Amerika Syarikat menimbang pandangan dunia Islam, sudah dihantar kepada Presiden George W Bush.

Semua 58 negara Islam yang menghadiri persidangan itu juga sepakat mahu Amerika menangani isu Palestin serta merealisasikan penubuhan negara berkenaan.

Sambil menyifatkan keputusan OIC memilih Perdana Menteri satu penghormatan kepada Malaysia, beliau berkata, Dr Mahathir bakal berhadapan tugas mencabar bagi mengubah persepsi masyarakat antarabangsa terhadap dunia Islam.

"Kita cuba mengawal perasaan masyarakat Islam dan kita cuba memperbetulkan perspektif dan imej masyarakat Islam.

"Perdana Menteri mempunyai kredibiliti dan seorang pemimpin negara Islam dan seorang Islam yang memahami perjuangan negara Islam," katanya.

Malaysia yang mengutuk tindakan pengganas, pada masa yang sama berpendapat, serangan terhadap Afghanistan bukan penyelesaian terhadap masalah itu, sebaliknya hanya membunuh rakyatnya yang tidak berdosa.

Perdana Menteri yang sebelum ini turut mencadangkan diadakan persidangan peringkat antarabangsa bagi mencari penyelesaian terhadap isu keganasan, menggesa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerajui usaha itu.

(END)